Bezakan antara Kata Ganda Penuh dan Kata Ganda Separa yang terdapat dalam teks tersebut.

Salwa yang Bertanggungjawab

Salwa ialah seorang murid tahun 2 Cekal. Salwa merupakan seorang murid yang sangat rajin. Pada setiap pagi, Salwa akan menyusun meja-meja dan kerusi-kerusi yang terdapat di dalam kelasnya. Salwa mempunyai seorang sahabat lelaki yang bernama Haikal. Pada waktu rehat, Salwa dan Haikal akan ke perpusatakaan untuk menyusun buku-buku pada rak buku yang disediakan. Salwa dan Haikal sangat disukai oleh guru-guru di sekolah itu kerana sering mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Pada waktu petang, Salwa akan membantu ibunya menyapu dedaun kering yang gugur di hadapan rumah. Salwa juga akan membersihkan kawasan longkang rumahnya supaya jejentik tidak dapat membiak di kawasan itu. Selain itu, Salwa juga suka membantu ibunya mengelap dinding rumah supaya lelabah tidak hinggap di kawasan itu.

Kata Ganda Penuh	Kata Ganda Separa